



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 14 / 2020

KERJASAMA STRATEGIK SPR DAN JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
BAGI MENYOKONG PELAKSANAAN BANGSI 2020

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 20 Februari 2020 (Khamis) telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) diketuai oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin. Siri pertukaran lawatan dan perbincangan antara SPR dengan DOSM merupakan kesinambungan kepada usaha dan kerjasama baik yang terjalin antara kedua-dua belah pihak demi faedah dan kepentingan kepada negara.
2. Pertemuan ini bertujuan untuk membincangkan perancangan kerjasama strategik antara SPR dan DOSM berhubung pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020 (Banci 2020). Modenisasi yang dilaksanakan dalam Banci 2020 antaranya pembangunan Malaysia Statistical Address Register (MSAR) di bawah Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS) oleh DOSM dilihat amat bermanfaat untuk negara ini dan membuka ruang dan peluang kepada penambahbaikan berterusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat pada masa akan datang.
3. SPR berbesar hati untuk bekerjasama dengan DOSM bagi menjayakan pelaksanaan Banci 2020 yang akan bermula pada 7 Julai 2020. SPR melihat Banci 2020 ini merupakan aktiviti yang sangat penting dan signifikan untuk

memberikan gambaran sebenar mengenai situasi kependudukan semasa Malaysia seterusnya menjadi sumber rujukan dan asas penting kepada perancangan pembangunan negara.

Sekian dan terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh : 22 Februari 2020 / 28 Jamadilakhir 1441H